

Mesej Dua Belas

**Menjalani Kehidupan yang Menikmati Kristus sebagai Tanah Permai,  
Hasilnya Ialah Bait, Yakni Tempat Huni Tuhan,  
dan Kota, Yakni Kingdom Tuhan**

Bacaan Bible: 2 Kor. 13:14; 1:12; 4:15; 6:1; 8:1, 9; 9:8, 14; 12:9

- I. Satu Korintus menggunakan sejarah bani Israel dalam Wasiat Lama sebagai tamsil bagi percayawan Wasiat Baru (5:7-8; 10:1-13), tetapi 1 Korintus tidak menyebut tentang tanah permai, kerana dari segi rohani, realiti tanah permai terdapat dalam 2 Korintus:**
- Realiti tanah permai dalam 2 Korintus ialah Kristus sendiri sebagai kurnia divin; kurnia Tuan Yesus Kristus ialah pemikiran utama dan subjek bagi 2 Korintus —13:14; 1:12; 4:15; 6:1; 8:1, 9; 9:8, 14; 12:9.
  - Bukan aku tetapi kurnia Tuhan* dalam 1 Korintus 15:10 bersamaan dengan *bukan lagi aku...tetapi Kristus* dalam Galatia 2:20; kurnia yang memotivasi kan dutus dan beroperasi dalamnya bukanlah suatu perkara atau suatu benda tetapi satu persona yang hidup (Yoh. 1:16-17), Kristus yang bangkit, perjasadan Tuhan Bapa (Kol. 2:9; Yoh. 14:7-11) yang telah menjadi Roh beri-hayat yang almuhit (1 Kor. 15:45b; 2 Kor. 3:17), yang huni dalam dutus demi kenikmatannya yang memperkudratkannya.
  - Kurnia ialah Tuhan dalam Kristus sebagai Roh itu yang diberi kepada kita untuk kenikmatan kita, memberi tenaga kepada kita, mengupayakan kita, menopang kita, dan memperkuat kita supaya kita dapat menghadapi apa-apa juga halangan, menyesuaikan diri dengan semua situasi, bersabar-tahan dengan apa-apa jua layanan, menerima apa-apa jua persekitaran, bekerja di bawah apa-apa jua keadaan, dan mengambil apa-apa jua peluang agar kita dapat menjadi penyeleggara yang baik untuk mendispenkan pelbagai kurnia Tuhan ke dalam orang lain demi pembinaan gereja sebagai rumah Tuhan dan kingdom Tuhan—1 Kor. 15:10; 2 Kor. 1:3-12; 12:7-9; 1 Ptr. 4:10; Ef. 3:2.
- II. Kita perlu melihat bagaimana menjalani kehidupan dalam mata Tuhan yang akan membolehkan kita menikmati Kristus almuhit yang ditamsilkan oleh tanah permai—Kol. 1:12; 2:6-7a:**
- Kita perlu menjalani kehidupan yang mengusahakan Kristus, sejenis kehidupan yang menikmati Kristus secara peribadi agar kita dapat menikmati-Nya bersama-sama secara kolektif demi membina Tubuh Kristus sebagai bait, rumah kepada Tuhan yang hidup—1 Kor. 3:17; 1 Tim. 3:15.
  - Kehendak Tuhan adalah untuk kita menikmati Kristus (Ibr. 10:5-10; 1 Kor. 1:9); kita perlu mencari untuk menikmati Kristus dan mengalami-Nya dalam setiap situasi (Flp. 3:7-14).
  - Kristus adalah kaya melampaui ukuran, tetapi gereja hari ini bergelut dalam kemiskinan kerana anak-anak Tuan adalah malas—Ams. 6:6-11; 24:30-34; 26:14; Mat. 25:26, 30.
  - Apabila kita datang ke perhimpunan untuk menyembah Tuan, kita tidak harus datang dengan tangan kita yang kosong; tangan kita harus penuh dengan penghasilan Kristus—Ul. 16:15-16:
    - Kita harus menghasilkan Kristus yang secukupnya agar terdapatnya lebih yang ditinggalkan untuk orang yang miskin dan orang yang berkeperluan, untuk hentar dan orang Lewi, sementara bahagian yang terbaik adalah untuk Tuan sendiri—15:11; 18:3-4; 12:11.

Mesej Dua Belas (sambungan)

2. Menyembah Tuhan bersama dengan Kristus bererti menyembah-Nya secara kolektif bersama-sama semua anak Tuhan dengan menikmati Kristus dengan satu sama lain dan dengan Tuan—1 Kor. 14:26.
- E. Jika kita ingin menjadi pejayeng, kita perlu mengusahakan Kristus sebagai tanah permai kita, untuk memperoleh Kristus sebagai kenikmatan kita:
  1. Setiap pagi kita harus mempersebahkan diri kita secara ikhlas kepada Tuan untuk satu tujuan sahaja—menikmati dan mengalami Dia—bd. Flp. 3:13-14.
  2. Setiap hari kita perlu meluangkan masa untuk bersama dengan Tuan secara peribadi dan secara tersembunyi untuk mempunyai persekutuan yang intim dengan-Nya—Mat. 14:22-23; 6:6; Kel. 33:11a.
  3. Kita perlu menikmati Tuan dalam Sabda setiap hari pada awal pagi untuk mempunyai permulaan yang baru setiap hari—Mzm. 119:147-148.
  4. Kita perlu menanggulangi dosa-dosa secara tuntas agar tidak ada apa-apa antara kita dengan Tuan—1 Yoh. 1:7, 9; bd. Yeh. 1:22, 26.
  5. Kita perlu mengekalkan persekutuan kita dengan Tuan saat demi saat, menjalani kehidupan yang berdoa—2 Kor. 13:14; Flp. 4:6-7; Rat. 3:55-56; bd. Mat. 11:25-26.
  6. Kita perlu menebus masa kita dan menggunakan tenaga kita untuk ditepu dan diresapi Sabda kudus Tuhan—2 Tim. 3:16-17; Kol. 3:16.
  7. Kita harus menebus masa untuk dipenuhi dalam roh dengan bergirang selalu, berdoa tanpa henti, dan bersyukur dalam segala hal—Ef. 5:18; 1 Tes. 5:16-19.
  8. Untuk mengalamikekayaan Kristus sebagai tanah permai, kita harus didominasi, dikawal, diarah, digerakkan, dan dipimpin oleh roh kita—2 Kor. 2:13.
  9. Untuk mengalamikekayaan Kristus sebagai tanah permai, kita harus hidup dalam persona, hadirat, muka Kristus—ay. 10; 4:6-7; 3:16-18; 12:2a:
    - a. Untuk memperoleh Kristus sebagai tanah yang serba merangkumi, kita harus dikawal oleh persona-Nya, hadirat-Nya—Kel. 33:14.
    - b. Oleh sebab Paulus hidup dalam persona Kristus, dia mengalami Kristus sebagai yang tidak berubah (2 Kor. 1:17-20), sebagai kelembuthalus dan keramahlembutan (10:1), sebagai ketulusikhlasan (11:10), sebagai kudrat (12:10; 13:4), sebagai kurnia (ay. 14), dan sebagai Dia yang berbicara dalamnya (ay. 3; bd. 2:17).
  10. Kita menerima Kristus sebagai kurnia, realiti tanah permai, menerusi kerja penghancuran dan konstitusi Roh Kudus; melalui ini diri dalaman kita dibina semula dengan Triniti Divin—12:7-10; 13:14.
- III. Kita harus berhimpun bersama-sama untuk mengadakan pameran tentang Kristus yang telah kita usahakan, Kristus yang telah kita nikmati dan alami—Ul. 14:22-23:**
  - A. Apabila kita menikmati Kristus secara peribadi dalam kehidupan harian kita demi kenikmatan kita secara kolektif terhadap-Nya dalam kehidupan perhimpunan kita, Tuhan berada dalam kalangan kita, dan kitalah tempat huni-Nya dan kingdom-Nya.
  - B. Apabila kita menikmati Kristus sehingga tahap demikian, perhimpunan gereja akan dipenuhi Tuhan, dan semua aktiviti akan menyalurkan dan mentransmisikan Tuhan kepada orang agar mereka dapat diinfusi dengan Tuhan—1 Kor. 14:25.
  - C. Penyembahan Tuhan yang sejati oleh umat-Nya berlaku apabila semua orang dipenuhi Kristus, bersinar dengan Kristus, dan mempamerkan Kristus yang telah diusahakan mereka.

Mesej Dua Belas (sambungan)

D. Kita harus sentiasa mempunyai sesuatu untuk dibicarakan dalam semua perhimpunan sebagai korban sukarela kepada Tuhan dan kepada para hadirin—ay. 26:

1. Sebelum datang ke perhimpunan, kita harus mempersiapkan diri kita untuk perhimpunan itu dengan apa yang datang daripada Tuan dan berasal dari-pada Tuan, sama ada menerusi pengalaman kita terhadap-Nya atau menerusi kenikmatan kita terhadap sabda-Nya dan persekutuan kita dengan-Nya dalam doa.
2. Setelah datang ke perhimpunan, kita tidak perlu menunggu dan tidak patut menunggu untuk mendapat inspirasi; kita harus melatih roh kita dan menggunakan minda kita yang terlatih untuk berfungsi bagi membentangkan apa yang telah kita sediakan kepada Tuan untuk kemuliaan dan kepuasan-Nya serta kepada para hadirin untuk manfaat mereka—pencahayaan, pengkhasiatan, dan pembinaan mereka—ay. 31-32.

**IV. Kita harus berhimpun dengan anak-anak Tuan demi penyembahan yang korporat di tempat yang dipilih Tuan—dalam roh kita dan di atas tapak kesatuan yang unik—Ul. 12:5, 11, 13-14, 18; 16:16; Yoh. 4:24:**

A. Pertama sekali, rumah kudus Tuhan, kediaman-Nya, berada dalam roh kita (Ef. 2:22), dan kedua, rumah kudus Tuhan ialah gereja (1 Tim. 3:15); oleh yang demikian, untuk masuk ke dalam rumah kudus Tuhan, kita perlu berpaling kepada roh kita dan pergi ke perhimpunan gereja; dalam roh kita dan dalam gereja, kita menerima wahi divin dan penjelasan untuk semua masalah kita (Mzm. 73:16-28).

B. Kita harus memelihara kesatuan Tubuh Kristus yang unik di atas tapak kesatuan yang sejati:

1. Amalan kehidupan gereja ialah amalan satu gereja di satu kota, satu kota hanya ada satu gereja—Kis. 8:1; 13:1; 1 Kor. 1:2; Wahi 1:11.
2. Di atas tapak kesatuan yang sejati, kita menikmati Tuan sebagai minyak urap, embun yang menyegarkan, dan berkat hayat yang diperintahkan—Mzm. 133.

C. Terdapat empat ciri bagi tempat yang dipilih Tuan:

1. Tempat yang dipilih Tuan tidak harus ada apa-apa nama selain nama Kristus—Ul. 12:5; Wahi 3:8.
2. Tempat yang dipilih Tuan penuh dengan latihan roh—Ef. 2:22; Yoh. 4:24; 1 Tim. 4:7; 1 Kor. 14:32.
3. Tempat yang dipilih Tuan ialah tempat menikmati kekayaan Kristus—Ul. 12:7, 18; Mzm. 36:8-9.
4. Tempat yang dipilih Tuan ialah tempat bergirang—Ul. 12:7, 12, 18; Mzm. 42:4; 122:1.

**V. Hasil daripada kenikmatan kita terhadap kekayaan Kristus yang almuhit sebagai tanah permai ialah gereja sebagai bait, iaitu tempat huni Tuhan, dan sebagai kota, iaitu kingdom Tuhan—Ef. 2:21-22:**

A. Tanah bersama dengan bait dan kota ialah pusat rancangan Tuhan—1 Raj. 8:48 and nota kaki 1:

1. Tanah itu ialah Kristus sendiri, dan bait serta kota merupakan kepenuhan Kristus, gereja, yang merupakan Tubuh-Nya—Ef. 1:22-23; 2:21-22.
2. Bait adalah untuk ekspresi Tuhan, dan kota adalah untuk dominion Tuhan; ini menggenapkan tujuan abadi Tuhan—Kej. 1:26.

B. Aspek utama berkenaan rumah Tuhan, iaitu tempat huni-Nya untuk ekspresi-Nya, merupakan hadirat Tuhan:

Mesej Dua Belas (sambungan)

1. Rumah Tuhan ialah tempat hadirat Tuhan; hadirat Tuhan merupakan ke-muliaan Tuhan (Mzm. 26:8; 29:9), keindahan Tuhan (27:4, 8), dan kekayaan Tuhan (36:8-9).
  2. Rumah Tuhan ialah tempat wahi dan jawapan Tuhan—73:16-17; 3:4; 18:6.
  3. Rumah Tuhan ialah tempat persembunyian kita—27:5; bd. 31:20; 84:3.
  4. Rumah Tuhan ialah tempat kita dapat ditanam, bertumbuh subur, dan ber-buah—92:13-14.
  5. Rumah Tuhan ialah tempat mata air—87:7.
  6. Rumah Tuhan ialah tempat kita diperkuat—68:35; 96:6.
  7. Rumah Tuhan ialah tempat kita dibaurkan dengan Tuhan—92:10.
  8. Rumah Tuhan ialah tempat Tuhan menjadi bahagian kita—73:26.
- C. Aspek utama berkenaan kota Tuhan, kingdom-Nya untuk dominion-Nya, meru-pakan autoriti Tuhan:
1. Kota Tuhan ialah kota yang kukuh, Kota Raja agung—31:21; 48:2.
  2. Terdapat sungai yang alirannya menggirangkan kota Tuhan—46:4-5.
  3. Tuhan dinyatakan di dalamnya dan merupakan menara tinggi dalamnya—48:3.
  4. Kota Tuhan ialah kegerunan kepada musuh—ay. 3-6; 76:2-3.
  5. Kota Tuhan ialah keindahan yang sempurna—50:2.
  6. Kota Tuhan ialah matlamat perkenanan Tuhan—51:18.
  7. Takhta-takhta penghakiman didirikan dalam kota Tuhan—122:5.
  8. Tuan memberkati orang darinya dan terpuji darinya—134:3; 135:21.
- VI. Hasil muktamad kenikmatan kita terhadap Kristus sebagai tanah permai ialah inkorporasi divin-insani bagi Tuhan Tritunggal yang terproses dengan umat tripartit-Nya yang dilahirukan, ditransform, dan dimuliakan sebagai tempat huni yang abadi dan kingdom Tuhan—Wahi 21:3, 22; 22:5.**